

Headline	Rawat kayu secara mesra alam		
MediaTitle	Kosmo		
Date	19 Nov 2014	Color	Full Color
Section	Kosmo 2	Circulation	218,251
Page No	34	Readership	654,753
Language	Malay	ArticleSize	324 cm ²
Journalist	N/A	AdValue	RM 4,154
Frequency	Daily	PR Value	RM 12,462



Rawat kayu secara mesra alam

Sistem pengeringan suhu tinggi memenangi Anugerah Penyelidikan Kedoktoran Cemerlang di Salt Lake City, Amerika Syarikat.

PEGAWAI penyelidik Institut Penyelidikan Perhutanan Malaysia (FRIM), Dr. Sik Huei Shing, 37, berjaya membangunkan sistem pengeringan suhu tinggi (*High Temperature Drying* atau HTD) bagi merawat kayu getah secara mesra alam.

Sistem tersebut dapat menggantikan penggunaan borates sebagai bahan pengawet utama, sekali gus memendekkan kitaran masa pemprosesan sebanyak lebih 75 peratus.

Di samping itu, kualiti kayu getah yang dirawat menggunakan HTD didapati lebih baik dan terbukti mempunyai kestabilan dimensi yang tinggi berbanding rawatan kaedah konvensional.

Hasil ciptaan tersebut juga melayakkan Huei Shing dipilih sebagai pemenang Anugerah Penyelidikan Kedoktoran Cemerlang dalam Kongres

Sedunia Kesatuan Antarabangsa Pertubuhan Penyelidikan Perhutanan ke-24 di Salt Lake City, Amerika Syarikat (AS) baru-baru ini.

Huei Shing mula berkhidmat di FRIM sebagai seorang pegawai penyelidik kontrak pada tahun 2001 selepas menamatkan

pengajian Ijazah Sains Perhutanan dalam jurusan Teknologi Kayu di Universiti Putra Malaysia (UPM).

Ketika bertugas sebagai penyelidik, beliau melanjutkan pengajian ke peringkat Ijazah Sarjana.

Namun, beliau menukar status tesis Sarjana kepada tesis Doktor Falsafah dengan mendalami skop penyelidikan dan pembangunan sistem HTD.

FRIM membina prototaip sistem HTD bersaiz komersial dengan kerjasama sebuah syarikat tempatan.

Pembinaan tersebut merupakan salah satu langkah untuk memberi galakkan kepada industri berasaskan kayu, sekali gus lebih mesra alam di samping membantu mereka meningkatkan daya saing dalam pasaran global.

FRIM memperoleh paten untuk sistem HTD dari AS pada Mac 2013, Malaysia (Oktober 2013) dan Singapura (Ogos 2014).

FRIM turut memfailkan paten di lima buah negara lain iaitu Thailand, Vietnam, Indonesia, China dan India.

Teknologi HTD tersebut turut memenangi beberapa anugerah lain antaranya Inovasi Negara 2013 (Kategori Produk), Green Invention Order of Merit Award 2013 dan Forestry Order of Merit Award 2013.

Bagi mendapatkan maklumat lanjut mengenai sistem HTD, sila hubungi Unit Komunikasi Korporat FRIM di talian 03-6279 7577 atau melalui e-mel: frim_ccu@frim.gov.my.

